

# Kerajaan perlu bertegas

**JOHOR BAHRU** – Kerajaan diminta segera melakukan siasatan terperinci dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang didapati bersalah dalam kes rusuhan di Plaza Low Yat, Bukit Bintang, Kuala Lumpur, kelmarin.

Penyelidik Utama Institut Transformasi Sosial Universiti Tun Hussein Onn, Dr Khairol Anuar Kamri berkata, ini berikutan sesiapa tanpa mengira kaum perlu dikenakan tindakan atas kesalahan yang dilakukan.

Menurutnya, selain itu, pihak berkuasa perlu mengambil tindakan terhadap peniaga yang menipu semata-mata mahu mengaut keuntungan berlipat kali ganda menerusi pemantauan dan pemeriksaan yang dilakukan.

“Sekiranya mana-mana pembeli yang mendapati peniaga menipu, mereka sepatutnya merujuk perkara ini kepada Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan bukaninya mengambil tindakan sendiri kerana undang-undang bukan di tangan kita.

“Maka, pendidikan integriti secara berterusan perlu diberikan kepada peniaga agar mereka tidak memperdaya pengguna dan jujur menjalankan urusniaga selain pengguna juga perlu mempunyai pengetahuan.

“Oleh itu, profesionalisme pihak berkuasa perlu ditingkatkan supaya pengguna tidak hilang keyakinan melaporkan atau menuntut kembali hak mereka,” katanya ketika mengulas kekecohan di pusat beli-belah itu apabila dikatakan dua lelaki warga tempatan datang ke kedai alat telekomunikasi untuk membeli telefon bimbit.

Bagaimanapun, Khairol Anuar berkata, permasalahan ini pada hakikatnya bukannya isu perkauman, sebaliknya adalah isu pertikaian antara pelanggan dan peniaga yang terlibat dalam urusan pembelian telefon bimbit itu.

“Tetapi video tindakan mereka itu akhirnya menjadi viral dan banyak komen diberikan berbau perkauman dikhuatiri akan menggugat keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara kita. Ada pihak juga sengaja memperbesar isu ini dan memainkan sentimen perkauman,” katanya.